

# DEEP HEATING PLASTER

L-Menthol (4.26% w/w)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Deep Heating Plaster
2. Bagaimana Deep Heating Plaster berfungsi
3. Sebelum menggunakan Deep Heating Plaster
4. Cara menggunakan Deep Heating Plaster
5. Semasa menggunakan Deep Heating Plaster
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Deep Heating Plaster
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Deep Heating Plaster

Deep Heating Plaster digunakan untuk sementara melegakan sakit ringan otot dan sendi yang berkaitan dengan arthritis, sakit belakang ringan, ketegangan dan terseliuh.

## Bagaimana Deep Heating Plaster berfungsi

Deep Heating Plaster adalah pad yang lembut dan fleksibel untuk melegakan kesakitan. Ia mengandungi L- Menthol yang merupakan salah satu ramuan semula jadi. Apabila Menthol disapu pada kulit, pembesaran saluran darah menyebabkan rasa sejuk diikuti oleh kesan melegakan kesakitan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Deep Heating Plaster

Penyediaan ini tidak boleh digunakan pada mereka yang diketahui alahan terhadap mana-mana komponen dalam produk ini.

### -Sebelum mula menggunakan

Kehamilan dan penyusuan badan:

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila merujuk kepada ahli farmasi/ doktor sebelum mengambil ubat- ubat lain.

## Cara menggunakan Deep Heating Plaster

### -Berapa banyak harus digunakan

- Bersihkan dan keringkan tempat yang sakit.
- Potong dan membuka bungkusan dan keluarkan pad.
- Jika dikehendaki, potong pad kepada saiz.
- Keluarkan filem pelindung semasa melekat pad pada bahagian yang sakit.

Ikut segala arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.

### -Bila perlu digunakan

Anda boleh menukar pad satu hingga dua kali sehari jika perlu.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Deep Heating Plaster selagi doktor anda mengesyorkan atau jika perlu.

### -Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda ingat atau seperti yang diarahkan oleh doktor / ahli farmasi.

### -Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya pengambilan secara tidak sengaja, dapatkan bantuan profesional atau hubungi Pusat Kawalan Racun dengan segera.

## Semasa menggunakan Deep Heating Plaster

### -Perkara yang perlu dilakukan

Untuk kegunaan luar sahaja.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan tersentuh ke dalam mata atau membran mukus. Jangan menggunakan dengan pad pemanas atau peranti pemanas luar yang lain, atau bersamaan dengan produk tahan sakit luaran yang lain. Jangan membalut dengan ketat atau tutup dengan apa-apa jenis balutan kecuali pakaian. Jangan mengguna lebih daripada dos yang dicadangkan kecuali jika doktor memberitahu anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, hanya gunakan mengikut nasihat doktor. Simpan ini dan semua ubat daripada jangkauan kanak-kanak.

**Kesan- kesan sampingan**

Jika sakit berterusan melebihi 7 hari atau terdapat kemerahan, kerengsaan, rasa pedih atau ketidakselesaan yang teruk pada kulit, hentikan penggunaan dan berjumpa doktor dengan sertamerta. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara Penyimpanan dan pelupusan Deep Heating Plaster**

-Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C di tempat yang kering.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut**

-Rupa dan warna produk

Kain bukan tenunan dan plaster putih salutan filem. Deep Heating Plaster nipis untuk dipakai tanpa disedari di bawah pakaian pada waktu siang atau malam. Ia melekat pada kulit dengan kuat tanpa memerlukan bantuan tambahan pada

otot atau sendi tetapi boleh dikeluarkan dengan mudah. Ia kemas dan tidak berminyak dan tidak akan memberi kesan pada pakaian anda. Hanya anda akan tahu bahawa anda memakai Deep Heating Plaster.

-Bahan- bahan kandungan

-Bahan aktif

L – menthol (4.26% w/w)

-Bahan tidak aktif

Ys Resin Px-1150, Adeps Lanae Depuratus, Zinc Oxide, Rubber.

-MAL number:

MAL20040176XC

**Pengilang**

Teh Seng Pharm Mfg Co Ltd  
42-1, Huan Gong Road, Yong  
Kang District, Tainan City,  
TAIWAN

**Pemegangan Pendaftaran Produk**

Rohto-Mentholatum (M) Sdn.

Bhd.

Unit 9-1, Level 9 Wisma Averis,  
Avenue 5, Bangsar South City,  
No.8, Jalan Kerinchi, 59200  
Kuala Lumpur Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

18/6/2018

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)160518/00155